

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 28 SEPTEMBER 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 2

KL tawar UAE bangunkan projek sekuriti makanan, Bandar Malaysia

KL tawar UAE bangunkan projek sekuriti makanan, Bandar Malaysia

PM turut pelawa Abu Dhabi buat pelaburan timbal balas dalam bidang pertanian

Daripada Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman di Abu Dhabi


Keakhran dan hubungan dua hala sedianya Malaysia dalam pelbagai bidang dengan Emiriah Arab Bersatu (UAE) diperlengkatan kepada perkongsian strategik.

Ia membatikan bidang ekonomi, pelaburan dan perdagangan, tenaga boleh diperbaharui, sekuriti makanan serta minyak dan gas.

Perkara itu dibincangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri ketika bertemu dengan Presiden Sheikh Mohamed Zayed Al Nahyan di Qasr Al Shati, di sini, kelmarin.

Mengenai sekuriti makanan yang menjadi dasar kedua-dua negara, Perdana Menteri menawarkan UAE membuat pelaburan timbal balas dalam bidang pertanian, sesuai dengan perancangan negara itu menjadi hab eksport.

Sebelum ini, Qatar melabur da-



Ismail Sabri pada sidang media bersama wartawan Malaysia ketika lawatan empat hari PM ke Emiriah Arab Bersatu (UAE) semalam. Turut hadir Tunbalan Menteri Luar, Datuk Kamarudin Jaffar (kiri) dan Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Sri Amran Mohamed Zin. (Foto BERNAMA)

lam projek usaha sama pembangunan sekuriti makanan dan produk temanu Kumpulan Baladna Food Industries (Baladna) dengan FGV Holdings Bhd dan FELCRA Bhd bermula RM4.2 bilion di Perlis dan Pahang.

"Bagi tujuan itu, kita setuju membentuk Jawatankuasa Kerja Bersama dengan UAE untuk bincangkan Qatar butirannya," katanya

pada sidang media bersama media Malaysia, di sini, semalam.

Malaysia juga mempelawa secara rasmi kepada UAE menyerokai peluang dalam pembangunan projek Bandar Malaysia yang dikaji semula dengan menyediakan paket untuk disertai lebih banyak pelabur.

Pakej sedang dirangka oleh Kementerian Kewangan dan Unit Perancangan Ekonomi (EPU) yang pada dasarnya tidak jauh berbeza dengan perancangan awal Bandar Malaysia.

Ismail Sabri turut melawat ibu pejabat Abu Dhabi National Oil Company (ADNOC) dan bertaklimat mengenai syarikat milik negara dan gas UAE itu.

"Dengan data untuk tempoh lanjut, nilai dagangan tahun ini dijangka mencapai rekod nilai tertinggi," katanya.

Ismail Sabri juga memahukan kepada Presiden Sheikh Mohamed, bahawa Kursi Sheikh Mohamed Zayed Al Nahyan di Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Malaysia ditubuhkan dengan sumbangan RM300 juta.

Ismaul juga mempromosi keamanan sejagat untuk penyelidikan, persidangan dan dialog antarabangsa.

Mengenai lawatan kerja pertama ke UAE dan suasana pertemuan dengan Sheikh Mohamed di kediamannya, Perdana Menteri berkata, berlangsung pentus mesra dan atas semangat kekeluargaan yang memperlhatkan keakraban hubungan Malaysia-UAE.

Beliau juga menyampaikan sembahatan Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Dua Ketua Negara itu bertemu ketika sesi menghadap pada awal Ogos lalu.

Ismail Sabri turut mengambil kesempatan mengucapkan tabniah kepada Sheikh Mohamed atas pelantikan sebagai Presiden UAE yang ketiga dan keanggotaan ahli bukan tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi sesi 2022/23.

Beliau berharap UAE akan berperanan aktif dalam mengetengahkan isu antarabangsa seperti Palestina dan pelarian Rohingya dari Myanmar.

Selain itu, Presiden UAE menyokong pandangan Malaysia ketika Perhimpunan Agung PBB (UNGA) Ke-77 supaya kuasa velestrasi Majlis Keselamatan dikaji semula.

Presiden UAE juga menghargai sumbangan lebih 6,000 rakyat Malaysia yang bekerja di UAE dan menjemput lebih ramai datang bekerja di negara itu.

Ibadat&Fadilat

Nabi Muhammad SAW bersabda: "Sesungguhnya Allah mencintai hamba-Nya yang selalu takwa, selalu merasa cukup dan berusaha menyembunyikan amalnya." (HR Muslim)

| KAWASAN | SUBUH | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---------------|-------|-------|------|---------|-------|
| Kangar | 5:59 | 1:12 | 4:24 | 7:13 | 8:22 |
| Alor Setar | 5:59 | 1:11 | 4:23 | 7:13 | 8:22 |
| P. Pinang | 5:59 | 1:12 | 4:22 | 7:13 | 8:22 |
| Ipoh | 5:57 | 1:09 | 4:19 | 7:11 | 8:20 |
| Kuala Lumpur | 5:54 | 1:07 | 4:15 | 7:08 | 8:17 |
| Shah Alam | 5:54 | 1:07 | 4:15 | 7:08 | 8:17 |
| Johor Bahru | 5:45 | 12:58 | 4:04 | 7:00 | 8:09 |
| Kuantan | 5:49 | 1:01 | 4:09 | 7:03 | 8:12 |
| Seremban | 5:53 | 1:06 | 4:13 | 7:07 | 8:16 |
| Bandar Melaka | 5:52 | 1:04 | 4:11 | 7:06 | 8:15 |
| Kota Bharu | 5:52 | 1:04 | 4:16 | 7:06 | 8:11 |
| K. Terengganu | 5:48 | 1:00 | 4:11 | 7:02 | 8:11 |
| Kota Kinabalu | 4:57 | 12:10 | 3:21 | 6:12 | 7:21 |
| Kuching | 5:20 | 12:33 | 3:39 | 6:35 | 7:44 |

Usaha sama bidang petroleum

Katanya, syarikat Malaysia berminat berkolaborasi dengan syarikat UAE dalam bidang petroleum termasuk sektor huluan dan gas asli cecair, tenaga boleh diperbaharui, baja dan karbon dioksida.

"Usaha sama ini penting untuk terus maju dan memastikan bekalan tenaga tersusun dan sakama pada era peralihan tenaga," katanya.

Mengenai perdagangan, nilai

dagangan meningkat 90.4 peratus

untuk lapan bulan pertama 2022

iaitu RM25.60 bilion melebihnya ni-

lai keseluruhan pada 2021, iaitu

RM22.29 bilion

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT